

Hukum pelaku rasuah – Abdullah

Oleh ROZAMAN ISMAIL

PUTRAJAYA 5 Mac – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan tindakan perlu diambil ke atas mereka yang melakukan rasuah dan individu yang tidak melakukannya pula tidak perlu merasa gundah.

Katanya, segala tindakan dan siasatan mengenai kes sedemikian pula perlu dijalankan dengan seadil-adilnya.

“Dalam beberapa hari ini kita dengar berita berkaitan rasuah. Memang rasuah tidak diingini oleh sesiapa pun. Tindakan perlu diambil, yang tak salah tak perlu gundah. Yang penting segala tindakan dan siasatan mesti dijalankan dengan seadil-adilnya,” katanya ketika berucap pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini hari ini.

Abdullah merujuk kepada laporan media akhir-akhir ini berhubung dakwaan rasuah ke atas beberapa individu termasuk Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Zulkipli Mat Noor.

Semalam, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd. Johari Baharom mengaku membebaskan tiga penjenayah mengikut Ordinan Darurat tetapi menafikan dakwaan beliau menerima sogokan sebanyak RM5 juta.

Menurut Abdullah, apa yang paling penting ialah tindakan diambil nanti bukan di atas persepsi tetapi berdasarkan maklumat kerana 85 peratus daripada laporan dikemukakan berkaitan dakwaan rasuah adalah tidak berasas.

“Ini amat penting. Kita sentiasa berhati-hati dalam perkara ini. Kerana itulah setiap pelantikan seseorang pegawai ke jawatan tinggi didahului dengan mendapatkan laporan daripada pihak berkenaan tentang rekod pegawai tersebut.

“Jika didapati rekodnya baik, baru pelantikan dibuat. Ini amalan kita,” katanya.

Perdana Menteri berkata, amalan sama turut dibuat bagi memilih calon untuk mewakili Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya.

Menurutnya, apa yang dapat dipelajari daripada perkara yang sedang berlaku ialah rakyat serta kakitangan awam mahukan satu pemerintahan, pentadbiran, perkhidmatan bermutu tinggi, baik, elok dan tidak ada amalan rasuah.

Justeru katanya, menjadi kewajipan semua pihak untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan ikhlas dan baik yang menjadi teras kepada kemajuan dan kejayaan negara ini.

Perdana Menteri turut menyentuh mengenai lawatannya ke Syria dan Yemen minggu lalu dengan menyatakan bahawa para pemimpin kerajaan serta ahli-ahli perniagaan di kedua-dua negara berkenaan memandang tinggi kejayaan Malaysia dalam pembangunan ekonomi serta perpaduan kaum.

Katanya, mereka juga mahu menjadikan negara ini sebagai contoh selain mempelajari selok-belok perancangan pembangunan negara.

Mereka, kata Abdullah, turut berhasrat menghantar pelajar, para pegawai serta kumpulan perancang masing-masing ke negara ini bagi mempelajari cara, perancangan dan pelaksanaan agenda pembangunan Malaysia.

“Saya katakan kepada mereka apa yang dicapai hari ini bukan tanpa usaha bersungguh-sungguh dan tanpa masalah yang diatasi dari semasa ke semasa,” katanya.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, setiap kakitangan dan pegawai kerajaan perlu menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya dan bukan sekadar ‘indah khabar dari rupa’.

“Saya tak mahu orang anggap indah khabar dari rupa. Dengar hebat, baik tapi bila datang tengok tak macam itu pun. Memalukan. Kita mahu khabar baik, rupa pun baik,” tegas beliau.



ZIARAH...Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meluangkan masa kira-kira sejam melawat empat ahli UMNO Bahagian Maran yang dirawat di Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah, semalam.

Ahli-ahli UMNO itu cedera setelah terbabit dalam kemalangan di Gurun pada Jumaat lalu.

Kemalangan tersebut mengakibatkan Naib Ketua UMNO Bahagian Maran, Datuk Saiful Bahari Mokhtar dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK) Kuala Sentul, Maran, Mohd. Kamal Idris, terbunuh.

Empat ahli UMNO itu ialah Pembantu Tadbir pejabat UMNO Bahagian Maran, Mohd. Azhar Abdul Jabar; Setiausaha Kerja UMNO

Bahagian; Nor Azhar Abdul Latif; Setiausaha Kerja Wanita UMNO Bahagian, Asmidatul Aida Nordin dan ahli UMNO, Nor Azman Ismail.

Turut serta dalam lawatan itu ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

● **ABDULLAH** Ahmad Badawi bersama Adnan Yaakob menziarah Mohd. Azhar Abdul Jabar yang cedera kedua belah kaki di Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah, semalam.

– Gambar ISMAIL KAMADIN